



Daniel 3





© 2021 Comic Bible Society, LLC





DALAM SATU JAM,
JURUTERA KAMI
LAPORKAN KAMI DAPAT
TURUNKAN DINDING
ITU DAN MENGUBAH
HALA TUJU
SUNGAI INI.

BAIK, SI MONYET
MABUK BABILONIA ITU
TIDAK AKAN SEDAR
APA YANG AKAN
BERLAKU.

PATUTKAH SAYA
PANGGILKAN AHLI
TENTARA KAMI YANG
LAIN YANG ADA
DI DATARAN?

PANGGIL MEREKA, DAN
BERITAHU KOMANDER-KOMANDER
KAMI, KITA AKAN MAKAN DARI
MEJA RAJA MENJELANG PAGI.



MENGAPA KAMU
TIDAK BERIKAN KAMI
MANGKUK-MANGKUK
EMAS SEBELUM INI,
BELSYAZAR?



AH SAUDARA KU,
AKU MENYIMPAN YANG
TERBAIK UNTUK
TERAKHIR!



TETAMU KU!

UNTUK
PENGHINAAN
TERAKHIR ORANG
YAHUDI.

KAMI TELAH
MENGAMBIL KOTA
MEREKA. KAMI
MENGAMBIL ANAK-
ANAK MEREKA.

KAMI
MENGAMBIL
WANITA
MEREKA!



SEKARANG
KITA MENGAMBIL
MANGKUK-MANGKUK
KEAGAMAAN MEREKA
UNTUK HIBURAN!





KUNCI KE
KOTA INI.

SEMUA
PERKARA ADA
KELEMAHANNYA.




TERMASUK
BABILONIA.

TERUMATAMA
BABILONIA!

CEPAT,
SEBARKAN
PESANAN ITU,
SEKARANG.

KITA AKAN BERAKAR
MEMASUKI BABILONIA, DI
BAWAH HIDUNG MERAH
MABUK MEREKA...



APA...??!!



EEEEUUUUHHH!!

BEBAKAN
KAMI!







Kemudian.

KAMUKAH DANIEL, ORANG
YAHUDI BUANGAN YANG DIBAWA
DARI YEHUDA OLEH RAJA,
AYAHANDA BETA?

YA.

BETA DENGAR KAMU
MEMPEROLEH KUASA DARIPADA
ROH DEWA-DEWA YANG SUCI,
DAN KAMU BERPENGETAHUAN,
PANDAI, SERTA BIJAK.

KEBIJAKSANAAN
SEJATI DATANG
DARI TUHAN.

BETA TIDAK KISAH DARI
MANA DATANGNYA
KEBIJAKSANAAN KAMU!

PARA PENASIHAT DAN
AHLI SIHIR BETA TIDAK
DAPAT MENTAFSIRKAN
TULISAN ITU.

TETAPI BETA DENGAR
KAMU DAPAT MENTAFSIRKAN
DAN MENYELESAIKAN
MASALAH-MASALAH
SUSAH.



JIKA KAMU
DAPAT MEMBACA DAN
MENTAFSIRKAN
TULISAN ITU--

KAMU AKAN DIBERIKAN
PAKAIAN DIRAJA, IAITU
JUBAH UNGU DAN KALUNG
EMAS TANDA
KEBESARAN!

KAMU AKAN
DILANTIK MENJADI
PENGUASA KETIGA
DALAM KERAJAAN
INI!!

HAMBA MOHON
TUANKU MENYIMPAN HADIAH
TUANKU UNTUK TUANKU
SENDIRI, ATAU BERIKANNYA
KEPADA ORANG LAIN.

HAMBA AKAN MEMBACA
DAN MENTAFSIRKAN
TULISAN ITU UNTUK
TUANKU.




ALLAH YANG MAHA TINGGI TELAH MELANTIK
AYAHANDA TUANKU, RAJA NEBUKADNEZAR
MENJADI RAJA YANG AGUNG, DAN MEMBERI
BAGINDA KEHORMATAN DAN
KEAGUNGAN.

BAGINDA MENJADI
BEGITU BESAR
SEHINGGA ORANG
DARIPADA SEMUA
BANGSA, KAUM, DAN
BAHASA TAKUT
DAN GENTAR
DENGANNYA.

BAGINDA
MEMBUNUH ATAU BIARKAN
SESEORANG HIDUP
MENURUT KESUKAANNYA.

BAGINDA MENINGGIKAN ATAU
MERENDAHKAN SESIAPA SAJA
MENURUT KEHENDAKNYA.



INILAH MAKSUD
TULISAN TUHAN...



MENE (DIHITUNG).
ALLAH TELAH MENGHITUNG
MASA PEMERINTAHAN
TUANKU, DAN
MENGAKHIRINYA.

TEKEL (DITIMBANG)
BERMAKNA TUANKU TELAH
DITIMBANG DAN TERNYATA
TERLALU RINGAN.

PERES (DIBAHAGI)
BERMAKNA KERAJAAN
TUANKU AKAN DIBAHAGI DAN
DIBERIKAN KEPADA ORANG
MEDIA DAN PERSIA.



HAR-HAR-
HAR



HAH-HAH-
HAH!!

TEE-HEE-
HEE.



DANIEL, SAYA FAHAM
MENGAPA KAMU
BERBAIK DENGAN
DATUK BETA.

DIA MUDAH
TERPEDAYA DENGAN
HELAH SIHIR KAMU.

KEPADA DANIEL,
SELEPAS NABONIDUS DAN
BELSYAZAR, PENGUSAHA
KETIGA KERAJAAN
BABILONIA--



-- SEPENDEK
MANAPUN DIA KATAKAN
KERAJAAN INI AKAN
BERTAHAN!

INILAH
KATA-KATA
TUHAN.

TUANKU
BELSYAZAR!!!



TENTERA PARSİ
TELAH MEMASUKI KOTA
MELALUI TAMAN
MATAHARI!

MEREKA
BERARAK KE
ARAH ISTANA!



TIDAK
MUNGKIN...




ADAKAH
INI BENAR?

TIDAK
MUNGKIN!

KE TEPI!

TIDAK...



APA YANG
TELAH SAYA
LAKUKAN?

"INILAH
KATA-KATA
TUHAN..."



DANIEL,
SAUDARAKU, APA
AKAN BERLAKU KEPADA
KAMI APABILA ORANG
PARSI MEMERINTAH
BABILONIA?

SIAPA AKAN TAHU,
MISHAEL? KERAJAAN
AKAN BANGKIT DAN JATUH.
SEORANG PEMERINTAH
AKAN MENGGANTIKAN
SEORANG LAGI.

HANYA TUHAN
AKAN KEKAL
BERTERUSAN.

BETUL.



SAYALAH
ORANG ITU.

PERHATIAN!
KAMI Mencari
DANIEL, ORANG YAHUDI,
YANG TELAH MENASIHAT
RAJA BABILONIA.

KAMU DIPANGGIL
UNTUK MENGHADAP
RAJA DARIUS, PENAKLUK
BABILONIA.



SEMUA PEGAWAI-
PEGAWAI TENTERA
HARUS DIBUNUH.

BAGI PEGAWAI-PEGAWAI
ISTANA NABONIDUS DAN
BELSYAZAR PULA--



BETA PERLUKAN SIFAT
KESETIAAN DALAM
KERAJAAN BARU BETA.
MALANGNYA, INI SUATU
SIFAT YANG KAMU
TIDAK AMALKAN.

BETA TIDAK
BOLEH MENGAMBIL
RISIKO DENGAN
PENASIHAT-PENASIHAT
YANG BETA TIDAK
BOLEH PERCAYA!



BAWA
MEREKA
PERGI!!

TETAPI
KAMI AKAN
MELAYAN--



KAMI TELAH
BAWAKAN DANIEL
TUANKU!



TETAPI BETA TIDAK
AKAN BERTINDAK BEGITU.
KESETIAAN PENTING
KEPADA BETA DAN KAMU
SUDAH BUKTIKAN
KESETIAAN-MU.

HAMBA HANYA
MENYAMPAIKAN
PESANAN, TUANKU.
HANBA SETIA KEPADA
TUHAN HAMBA.

INILAH YANG
BUATKAN KAMU
BERHARGA! PENGABDIAN
KAMU KEPADA TUHAN
KAMUDAN PERINTAH
-PERINTAHNYA--



AH YA,
ORANG YAHUDI
TERKENAL.

PENGINTIP-PENGINTIP
BETA SELALU BERITAHUKU
KATA-KATA NASIHAT KAMU
KEPADA RAJA-RAJA
BABILONIA.

BEGITU MALANG
NABONIDUS DAN BELSYAZAR
TIDAK MENGHIRAUKAN
NASIHAT KAMU.

-- INI JADIKAN
KAMU SEORANG
YANG BETA BOLEH
PERCAYAI.

BAWA DIA KE DALAM
ISTANA DAN PILIH LAH
SEBUAH BILIK
UNTUKNYA.

PENGETAHUANNYA
TENTANG KERJA-KERJA
KOTA INI AKAN JADIKAN
DANIEL SEORANG PENTING
DALAM PEMBANGUNAN
KERAJAAN BETA.





PENAKLUKAN
TERHADAP BABILONIA
LEBIH SENANG
DARIPADA APA BETA
SANGKAKAN.

PEMERINTAH-PEMERINTAH
MEREKA BUKAKAN JALAN KEPADA
KAMI. NABONIDUS LEBIH
BERMINAT UNTUK MEMBURU
SINGA DARIPADA MENANGANI
APA-APA MASALAH.

ANAKNYA BELSYAZAR LEBIH
BERMINAT UNTUK MENDAPATKAN
WAIN UNTUK GUNDIK-GUNDIKNYA
DARIPADA MENTADBIR HAL
EHWAL NEGARI.

TETAPI...

... KAMI MASIH
PEMERINTAH ASING. UNTUK
BENAR-BENAR MEMERINTAH
RAKYAT KOTA YANG KAMI
MENAKLUKI, KAMI MESTI
MEMERINTAH HATI
MEREKA DULU.

BETA PERLUKAN KESETIAAN
DARIPADA MEREKA DI BAWAH
BETA, DENGAN HARAPAN
MEREKA AKAN INSPIRASIKAN
KESETIAAN KEPADA RAKYAT
YANG BETA MEMERINTAH.

ESOK, KUMPULKAN
SEMUA PEMBESAR DAN
PENGURUS KERAJAAN.

BETA AKAN MELANCARKAN
RANCANGAN PENTADBIRAN
BARU BETA.

KEESOKKAN HARINYA.

PEDANG CYRUS DAN
DARIUS KINI MEMERINTAH
KERAJAAN BESAR
BABILONIA!

OLEH ITU, SEMUA
UNDANG-UNDANG MEDES
DAN PARSİ KINI BERKUAT
KUASA DI SINI!

RAJA NEBUKADNEZAR
TELAH BERUSAHA UNTUK
MENYATUKAN SEMUA ORANG.
DI MANA DIA TELAH GAGAL,
BETA AKAN BERJAYA.

UNTUK MENCAPAI INI, BETA
TELAH MEMUTUS UNTUK
BAHAGIKAN KERAJAAN INI KEPADA
120 WILAYH YANG AKAN DITADBIR
OLEH 120 GABENOR...

... SUPAYA BETA
TIDAK AKAN MENGALAMI
KERUGIAN DAN SUPAYA
RAKYAT AKAN SELALU ADA
SEORANG PEMIMPIN
DEKAT MERKA.

DARIPADA 120 GABENOR
INI, BETA HANYA AKAN
MEMPUNYAI TIGA PENTADBIR
YANG AKAN MEMERINTAH
KERAJAAN DAN MELAPOR
DIRI KEPADA BETA.

PRINIDES, YANG
MENJADI PENTADBIR BETA
DI ELAM; TRILARIUS,
PERINTAH KEDUA BETA;
DAN DANIEL, SI YAHUDI.

MASING-MASING TELAH
MENUNJUKKAN KEBOLEHAN
MEREKA UNTUK MENTADBIR DENGAN
BAIK DAN SETIA DAN MEREKA AKAN
DIHORMATI OLEH RAKYAT
BABILONIA.

MENGIKUT UNDANG-
UNDANG MEDES DAN PARSİ YANG
TIDAK BOLEH DIUBAH, APA
YANG DIPERINTAHKAN,
HARUS DILAKUKAN.



INI SUATU PENGHIANATAN, PRINIDES!

KAMI TELAH BERKERJA KERAS DAN SI RAJA MELAKUKAN... INI?



NAMPAKNYA KAMU HARUS KONGSIKAN KUASA KAMU SEKARANG.

DENGAN SEORANG YAHUDI! MUNGKIN KEKAYAAN DAN HAK ISTIMEWA KAMI TELAH BERAKHIR.

TIDAK TRILARIUS. PADA WAKTUNYA, KEKAYAAN BABILONA AKAN MENJADI MILIK KITA.



SAYA TIDAK MEMPUYAI PERASAAN BAIK TENTANG SI YAHUDI, DANIEL. DENGAR-DENGAR DIA SEORANG AHLI SIHIR YANG HEBAT.

TETAPI RAJA KAMI TELAH JADIKAN POSISINYA SAMA SEPerti KAMI! SEORANG YAHUDI YANG DITAKLUKI!

KAMU TELAH MELIHATNYA DI DALAM TADI. RUPANYA BUKAN SEPerti SEORANG YANG TELAH DITAKLUK.



KAMU JALANKAN TUGAS KAMU; KAMI AKAN JALANKAN TUGAS KAMI.

TETAPI JIKA KAMU MELIHAT SEBARANG KESILAPAN ATAU KETIDAKJUJURAN SEMASA PENTADBIRAN, LAPORKAN HAL ITU KEPADA SAYA!



KAMI TELAH BERKHIDMAT DENGAN SETIA SELAMA INI, HANYA UNTUK DIDARJATKAN DENGAN SEORANG ASING.

BUKAN SEBARANG ORANG ASING – SEORANG YAHUDI.

SEORANG YAHUDI YANG AKAN MENASIHATKAN ORANG YANG PALING BERKUASA DI BUMI.

BUKAN, KEDUA YANG PALING BERKUASA DI BUMI.

MENANTU LELAKINYA, CYRUS MERUPAKAN ORANG YANG PALING BERKUASA DI BUMI- DAN TIDAK LAMA LAGI AKAN SAMPAI UNTUK MEMERINTAH.

DARIUS TELAH MENAKLUKI, DAN KINI CYRUS AKAN MEMERINTAH.



ITU MUNGKIN SITUASINYA.

DARIUS SEORANG LELAKI TENTERA, SEORANG JENERAL KUAT, SEORANG PEMIMPIN HEBAT.

APA YANG DIA INGINKAN LEBIH DARI APAPUN?



KETAATAN MUTLAK KEPADA SESIAPA YANG BERKUASA. KESETIAAN YANG TIDAK TERHINGGA.

SEORANG ASKAR UNTUK BERARAK DAN MATI DENGAN PERINTAH KOMANDER.



SAYA MEMPUNYAI SATU IDEA YANG KEJI.

TRILARIUS, KALAU KAMI INGIN MENGHAPUSKAN SI YAHUDI ITU, IA MESTI CONDONG KE ARAH KESETIAN KEPADA DARIUS DAN PEMERINTAHANNYA.



MARI KITA PERGI KE TEMPAT LAIN UNTUK BERBINCANG

KAMI MUNGKIN DAPAT MELIHAT RAKAN YAHUDI KAMI JATUH SEPERTI RAMA-RAMA HANCUR KE TANAH SELEPAS RANCANGAN INI.



BETA TIDAK PERNAH DENGAR SEPARUH DARIPADA KEBIJAKSANAAN YANG DIA KONGSIKAN.

DIA BENAR-BENAR LUAR BIASA.

SUDAH TENTU! SAYA TIDAK PERNAH MELIHAT SEORANG YANG DITAKLUK YANG MEMPUNYAI KEBIJAKSANAAN LUAR BIASA - DI BABILONIA ATAU DI PARS.

DIA MEMANG BOLEH DIPERCAYAI.

TANPA KERAGUAN.



SISTEM KERAJAAN INI BERJALAN DENGAN LANCAR.

TIDAK LAMA LAGI, IA AKAN SEDIA UNTUK DISERAHKAN KEPADA CYRUS.

BETA BERCADANG UNTUK BUATKAN DANIEL PEMERINTAH SELURUH KERAJAAN, DIA HANYA AKAN MELAPORKAN DIRI KEPADA BETA.



KEPUTUSAN BAIK TUANKU.

DIA BOLEH DIHARAP, LEBIH BAIK DARIPADA BEBERAPA GABENOR DAN PEGAWAI PARS KAMI.

PADA MAJLIS MESYUARAT KAMI YANG BERIKUT, BETA AKAN MAKLUMKAN KEPUTUSAN INI KEPADA SEMUA GABENOR BETA.



SAYA BERCAKAP DENGAN BEBERAPA PARA PENGAWAS DAN GABENOR LAIN DAN MASIH TIDAK DAPAT MENCARI SEBARANG KESALAHAN DENGAN DANIEL.

DIA TIDAK BERBOHONG, TIADA KESAN RASUAH, TIDAK LALAI.

SAYA SUDAH CUBA BERIKAN DIA RASUAH SEBANYAK DUA KALI, TETAPI DIA TIDAK MAHU DENGAR KATA-KATA SAYA.

BAIKLAH. KAMI MUNGKIN TIDAK DAPAT MENCABAR KESETIAANNYA KEPADA RAJA KAMI. TETAPI...



... KESETIAANNYA KEPADA TUHAN MELEBIHI KESETIAANNYA KEPADA RAJA.

KESETIAANNYA KEPADA TUHAN BUATKANNYA TIDAK MUDAH UNTUK DIPENGARUHI.

TETAPI BAGAIMANA KALAU KITA DAPAT MEMUTARKAN IBADAH TUHANNYA MENJADI RASUAH?



APA-APA YANG KAMU RANCANGKAN, KAMU HENDAK LAKUKANNYA DENGAN CEPAT.

BERITA APA YANG KAMU ADA?

BERITA BAHAWA KAMU AKAN DIBAYAR DENGAN BAIK.

SAYA DENGAR, DENGAN TELINGA SAYA SENDIRI – RAJA KAMI MERANCANG UNTUK MENAIKKAN PANGKAT DANIEL MENJADI PENGUASA SELURUH KERAJAAN DAN MEMERINTAH SEMUA ORANG – TERMASUK KAMU.




IKUT SAYA.



O TUHAN, APAKAH RANCANGAN TUHAN UNTUK UMAT-MU?

NABI-NABI MU BERKATA PENGUSIRAN KAMI AKAN BERAKHIR SELEPAS 70 TAHUN.

TUHAN BAPA-BAPA KITA. TUHAN ABRAHAM, ISHAK, YAKUB. TUHAN YANG KATA-KATA DAN UNDANG-UNDANG SOLEHNYA KEKAL ABADI.



SAYA TIDAK AKAN HIDUP UNTUK MELIHAT KEBEBASAN UMAT-KU. TETAPI SAYA TAHU RANCANGAN-MU UNTUKKU ADALAH UNTUK BUATKAN ENKAU, TUHAN YANG HIDUP, TERKENAL KEPADA ORANG-ORANG INI.



MENGAPA BANGSA-BANGSA INI MARAH? MENGAPA PEMIMPIN-PEMIMPIN MEREKA BERKOMPLOTT?

KAMU SAHAJA YANG MEMPUNYAI KUASA UNTUK MEMBERI KEHIDUPAN DAN KEMATIAN.



SAYA ADA RANCANGAN.



KAMU TELAH
BERIKAN SAYA
HIDUP DAN SEMUA
KERJAYA SAYA.

BIARLAH SAYA JADI
KESAKSIAN KEPADA TUHAN
SYURGA DAN BUMI,
PENCIPTA MANUSIA.

TERPUJILAH
NAMA TUHAN.



KAMU TELAH
MELIHATNYA
DI SANA!

JAWAPANNYA
MUDAH SEKALI!

YA?
BERITAHULAH
KAMI!

KONGSIKAN,
APAKAH RANCANGAN
HEBAT KAMU INI?

APAKAH CARA
TERBAIK UNTUK
MENCEMARAKAN
SEORANG INSAN
YANG TUHANNYA
MELARANG UNTUK
BERBOHONG!



KESETIAAN DANIEL
TERHADAP DARIUS
DATANGNYA DARI
KESETIAANNYA KEPADA
TUHAN...

DANIEL HARUS DIPAKSA
UNTUK MEMILIH ANTARA
KESETIAANNYA KEPADA DARIUS
DAN KESETIAN KEPADA
TUHANNYA!

DENGAN INI, DARIUS
AKAN MELIHAT SIAPA
DANIEL SEBENARNYA.

DAN DENGAN ITU,
BARULAH KAMI AKAN
LEBIH BERKUASA
DARIPADANYA.



TUANKU!
PRINIDES AND
TRILARIUS INGIN
MENGHADAP
TUANKU!

YAI YA!
BIARLAH
MEREKA
MASUK!



TUANKU, RAJA YANG
AGUNG, KAMI SEMUA
YANG MENTADBIR KERAJAAN
TUANKU - PARA PENGAWAS,
GABENOR, PEGAWAI
TINGGI, PEGAWAI DAERAH,
DAN PEGAWAI YANG
LAIN BERSETUJU.

TIADA
ORANG UNTUK
DIBANDINGKAN
DENGAN TUANKU
DARIUS.



MARILAH!

TUANKU, RAJA
DARIUS, DAULAT
TUANKU!

PENTADBIR SETIA-MU
TRILARIOUS DAN HAMB
MEMPUNYAI SATU CADANGAN
UNTUK MEMBERI PENGHORMATAN
KEPADA TUANKU, DAN UNTUK
MENOLONG MENGUKUHKAN
KAWALAN DAN KESETIAAN DI
SELURUH KERAJAAN INI.



KAMI TELAH
BERSETUJU AGAR TUANKU
MENGELUARKAN SATU
PERINTAH YANG HARUS DITAATI
DENGAN SANGGUH-SANGGUH -
KERANA TUANKULAH RAJA
TERAGUNG.

TUANKU, KAMI INGIN SELURUH
UMAT NEGERI INI SETIA KEPADA
TUANKU DAN MEMAHAMI BETAPA
PENTINGNYA KEAGUNGAN
Pemerintahan TUANKU.



APAKAH CADANGAN
PENTADBIR-PENTADBIR
SEKALIAN?

HENDAKLAH
TUANKU PERINTAHKAN
AGAR SELAMA 30 HARI,
TIDAK SEORANG PUN
BOLEH MEMINTA APA-APA
DARIPADA DEWA ATAU
MANUSIA -

- KECUALI
DARIPADA TUANKU
SENDIRI --

-- SESIAPA
YANG MELANGGAR
PERINTAH ITU
HARUS DIBUANG
KE DALAM GUA
SINGA.

BIARLAH ORANG
TAHU BAHAWA RAJA
DARIUS SEORANG ADALAH
PENYUMBANG DAN
Pemerintah kerajaan
HEBAT INI.



BAIKLAH!
SESUNGGUHNYA INI SATU
PENGHORMATAN KEPADA
BETA, DAN SUATU PAMERAN
KEPADA SEMUA YANG
MELIHAT BETA SEBAGAI
RAJA BARU MEREKA.



YA, INI AKAN TETAPKAN
HANYA TERDAPAT SATU
RAJA YANG MEMIMPIN
TANAH INI DAN UMATNYA.

OLEH ITU BIARLAH
TUANKU MENGELUARKAN
PERINTAH ITU SERTA
MENANDATANGANNYA - BIARLAH
PERINTAH ITU MENJADI UNDANG-
UNDANG MEDIA DAN PERSIA
YANG TIDAK BOLEH
DIUBAH LAGI.



TULISKANNYA,
SEPERTIMANA
PENTADBIR-PENTADBIR
BETA TELAH
CADANGKAN.

BETA AKAN
TANDATANGANI PERINTAH
ITU DAN IA AKAN BERKUAT
KUASA MULAI MALAM INI
SELEPAS MATAHARI
TERBENAM.

TINDAKAN
BIJAK,
TUANKU.

Selepas perintah
itu diisytiharkan...

SEPERTI APA
YANG KAMI RISAUKAN.
DANIEL MENGEJEK
PERINTAH RAJA.

MENGIKUT PERINTAH
RAJA, SESIAPA PUN
SELAMA 30 HARI DILARANG
UNTUK MEMINTA APA-APA
DARIPADA DEWA ATAU
MANUSIA, HANYA
KEPADA SI RAJA.

YA, SAYA
MENYAKSIKANNYA,
SEPERTI APA YANG
KAMU KATAKAN.

JENERAL NACHIDES
BAKARKAN KOTA TAKRON
DAN BUNUH PENDUDUK
KOTA ITU DENGAN
PEDANG -

- DAN MENYIMPAN
WANITA-WANITA KOTA ITU
UNTUK DIRINYA DAN
PEGAWAI-PEGAWAINYA.

BETA CUBA UNTUK
MENJAGA KEAMANAN DENGAN
ORANG ELAMITE DAN DIA
MENGGELOKAKAN MEREKA
DENGAN MEMUSNAHKAN
SALAH SATU DARIPADA
BANDAR MEREKA?

YA,
TUANKU.

HANYA TERDAPAT SATU HUKUMAN
KEPADA SESIAPA YANG INKAR
PERINTAH BETA ATAU PENTADBIR
BETA.

DIA, ISTERI DAN
KELUARGANYA AKAN
DIBUANG KE DALAM
GUA SINGA.

TIDAK...
BERIKAN
PENGAMPUNAN
KEPADA HAMBA,
TUANKU!!

BELAS KASIHAN
BETA BERMULA DAN
BERAKHIR DENGAN
KETAATAN.

BAWA DIA PERGI,
BETA TIDAK MAHU
MELIHATNYA
HIDUP LAGI.



TUANKU!
TERDAPAT SATU LAGI
KEINGKARAN YANG
HAMBU-MU INGIN
LAPORKAN KEPADA
TUANKU.

BUKANKAH TUANKU
PERINTAHKAN AGAR SELAMA 30
HARI TIDAK SEORANG PUN BOLEH
MEMINTA APA-APA DARIPADA
DEWA ATAU MANUSIA, KECUALI
DARIPADA TUANKU SENDIRI DAN
SESIAPA YANG MELANGGAR PERINTAH
ITU HARUS DIBUANG KE DALAM GUA
SINGA – SEPERTI MUSUH-
MUSUH TUANKU?



BETA TELAH MEMBERI
TANDATANGAN BETA.
PERINTAH ITU KEKAL –
SELARAS DENGAN UNDANG-
UNDANG MEDES
DAN PARSİ.

DANIEL, SALAH
SATU ORANG BUANGAN
DARI YEHUDA, TIDAK
MENGHORMATI TUANKU
DAN TIDAK MEMATUHI
PERINTAH TUANKU.

DIA TETAP BERDOA
TIGA KALI SEHARI-
MENGINGKARI PERINTAH
TUANKU.



INI BENAR TUANKU.
HAMBA MENJADI SAKSI
KEPADA TINDAKAN
INI.

MENGIKUT KATA-KATA
TUANKU, APABILA MATAHARI
TERBENAM, DANIEL AKAN
DIBUANG KE DALAM GUA SINGA,
KERANA DIA MELANGGAR
PERINTAH RAJA.




KAMU TIDAK
PERLU INGATKAN
BETA TENTANG
KATA-KATA SAYA!

MENURUT UNDANG-
UNDANG MEDIA DAN
PERSİ, PERINTAH YANG
DIKELUARKAN OLEH RAJA
TIDAK BOLEH DIUBAH.

DAN BETA TIDAK
PERLU DIINGATI
TENTANG UNDANG-
UNDANG MEDES
DAN PARSİ.



APA YANG
TELAH KU
LAKUKAN?



PEGAWAI-KU
YANG PALING
SETIA TELAH
PERANGKAPKAN
SAYA...



... DAN KEANGKUHAN
TELAH PERANGKAPKAN
SAYA.



KELEMAHANNYA
ADALAH
TUHANNYA.

Di gua singa.

SEMOGA ALLAH
YANG KAMU SEMBAH
DENGAN SETIA ITU
MENYELAMATKAN
KAMU.

TUHAN ADA
DENGAN-KU.

TIADA
SESIAPA YANG BOLEH
MEMBUKANYA KECUALI
ATAS RISIKO
KEMATIAN.

TUTUP GUA ITU
DENGAN SEBUAH
BATU BESAR.

Malam itu.

TIDAK DAPAT
TIDUR MALAM
INI...



KELUAR! BETA TIDAK
MAHU MAKAN, TIDAK
MAHU BERADU, TIDAK
MAHU DIHIBUR. BETA
MAHU SEMUA ORANG
KELUAR!



TUANKU MESTI MAKAN
SESUATU. TIDAK TIDUR,
TIDAK MAKAN, INI TIDAK
SEPADAN DENGAN
KEAGUNGAN SEORANG
RAJA SEPerti TUANKU.



KALAU BETA AGUNG
SEPerti APA YANG KAMU
KATAKAN, KEAGUKUHAN
BETA TIDAK AKAN
TIMBUL.

BETA TIDAK AKAN
MAKAN MALAM INI.





Waktu pagi.

MARI!

KE DANIEL!
SEKARANG!!

KAMU!

KAMU AKAN
MENEMANI BETA
UNTUK MELIHAT
AKIBAT PERINTAH
BETA.

BAIKLAH
TUANKU...

HAMBA BESAR
HATI... UNTUK
MENEMANI TUAN.

ADAKAH
DIA MASIH
DI SANA?

DANIEL,
HAMBA ALLAH
YANG HIDUP!

ADAKAH ALLAH YANG
KAMU LAYANI DENGAN BEGITU
SETIA ITU MENYELAMATKAN
KAMU DARIPADA
SINGA-SINGA ITU?





KAMI AKAN
LIHAT KESOLEHAN
MEREKA...

SINGA-SINGA
PADA HARI INI AKAN
DAPATKAN....



...APA MEREKA
TIDAK DAPAT
SEMALAM.



BABILONIA,
DENGARLAH
TITAH BETA!!



"DENGAN INI BETA MEMBERIKAN PERINTAH
AGAR SEMUA ORANG DI SELURUH KERAJAAN
BETA MENGHORMATI SERTA TAKUT KEPADA
ALLAH YANG DISEMBAH DANIEL."



"DIALAH ALLAH YANG HIDUP, DIA MEMERINTAH
SELAMA-LAMANYA. KERAJAAN-NYA TIDAK
SEKALI-KALI AKAN BINASA, DAN KUASA-NYA
TIDAK AKAN ADA AKHIRNYA."

"DIA ... TELAH MENYELAMATKAN
DANIEL DARIPADA TERKAMAN SINGA."

Daniel, orang Yahudi yang telah diusir ini berkhidmat sebagai penasihat kepada empat raja daripada dua empayar dunia yang hebat. Dia meninggal dunia pada 529 S.M.



SUPERBIBLE.TV